

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN PAY WITH SHOPEE!**

1. **Soalan:**  
Apakah **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

**Kempen Pay With Shopee!**? kempen kerjasama di antara PTPTN dengan rakan strategik Shopee. Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan secara dalam talian melalui saluran Shopee. Kempen ini juga dilaksanakan khas bagi menghargai peminjam PTPTN yang komited membayar balik pinjaman pendidikan secara konsisten melalui kemudahan perkhidmatan saluran bayaran balik Shopee.

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **15 Jun 2022 sehingga 15 Julai 2022.**

3. **Soalan:**  
Siapakah yang layak untuk menyertai **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

Terbuka kepada pengguna aplikasi ShopeePay yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN di dalam tempoh kempen. **TIADA** jumlah minimum bayaran balik dalam satu (1) transaksi.

4. **Soalan:**  
Apakah kelayakan untuk menyertai **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

Penentuan kelayakan bagi tujuan **pemberian ganjaran** adalah seperti yang berikut:

- **Pemberian baucar diskaun sebanyak 10% daripada jumlah bayaran, tertakluk kepada jumlah maksimum RM5 kepada 60 pengguna aplikasi Shopee terawal setiap hari** semasa tempoh kempen, kecuali pada 7 Julai 2022.
- **Jumlah penerima baucar diskaun BERGANDA iaitu seramai 120 pengguna terawal pada 7 Julai 2022** bersempena bulan penubuhan PTPTN dan juga hari MEGA SALES SHOPEE.

**5. Soalan:**

Adakah pengguna layak menerima ganjaran baucar diskaun lebih daripada sekali dalam tempoh **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

**TIDAK.** Setiap pengguna layak menerima ganjaran baucar diskaun sekali sahaja dalam tempoh kempen.

**6. Soalan:**

Bagaimanakah cara pengguna membuat penebusan baucar diskaun?

**Jawapan:**

Pengguna yang berjaya menerima baucar diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat transaksi bayaran balik pinjaman.

**7. Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan peminjam menyertai **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

Tidak perlu, peminjam yang membuat bayaran balik melalui saluran Shopee di dalam tempoh kempen telah melayakkan peminjam menyertai kempen ini.

**8. Soalan:**

Bagaimanakah pelanggan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai **Kempen Pay With Shopee!**?

**Jawapan:**

Pelanggan boleh menyemak mengenai kempen di sosial media atau portal rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) dan ShopeePay (<https://shopee.com.my>).

*Maklumat dikemaskini pada 13 Jun 2022*